

Isa Mengajar Nikodemus

Petikan dari Kitab Injil: [Yahya 3:1-21](#).

¹Pada masa itu ada seorang pemimpin Yahudi dari golongan Farisi bernama Nikodemus. ²Dia mengunjungi Isa pada suatu malam lalu berkata, 'Tuan Guru, kami tahu bahawa Engkau guru yang datang daripada Allah. Tidak mungkin seseorang melakukan mukjizat seperti yang Kaulakukan kecuali Allah menyertai-Nya.'

³Isa menjawab, 'Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kecuali seseorang dilahirkan semula, dia tidak dapat melihat kerajaan Allah.'

⁴Nikodemus bertanya, 'Bagaimana seorang dewasa mungkin dilahirkan semula? Tidak mungkin dia masuk semula ke rahim ibunya lalu dilahirkan sekali lagi!'

⁵Isa menjawab, 'Apa yang Kukatakan ini benar. Tidak mungkin seseorang masuk ke dalam kerajaan Allah kecuali dia dilahirkan daripada air dan Roh Suci. ⁶Yang dilahirkan manusia adalah manusia, dan yang dilahirkan Roh adalah roh. ⁷Janganlah hairan akan kata-kata-Ku bahawa kamu semua perlu dilahirkan semula. ⁸Angin bertiup semahunya. Kita mendengar bunyinya, tetapi tidak tahu dari mana datangnya dan ke mana perginya. Demikianlah juga dengan orang yang dilahirkan oleh Roh Suci.'

⁹Nikodemus bertanya, 'Bagaimana hal itu boleh berlaku?'

¹⁰Isa menjawab, 'Kamu pengajar bangsa Israel dan kamu tidak mengetahui hal ini?'

¹¹Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, apa yang kami ketahui, itulah yang kami katakan, dan apa yang telah kami lihat, itulah yang kami saksikan, tetapi kamu tidak mahu menerimanya. ¹²Jika kamu tidak percaya ketika Aku bercakap tentang hal-hal dunia, bagaimana mungkin kamu percaya sekiranya Aku bercakap tentang hal-hal syurga? ¹³Tiada seorang pun pernah naik ke syurga, kecuali Putera Insan yang turun dari syurga. ¹⁴Sebagaimana ular diangkat oleh Musa di gurun, begitulah Putera Insan akan diangkat ¹⁵supaya semua yang percaya kepada-Nya mendapat hidup yang kekal.

¹⁶Allah begitu mengasihi umat manusia sehingga menganugerahkan Putera-Nya yang tunggal supaya orang yang percaya kepada Putera itu tidak binasa tetapi mendapat hidup kekal. ¹⁷Allah mengutus Putera-Nya ke dunia bukan untuk menghakimi dunia tetapi supaya melalui Dia, dunia ini diselamatkan. ¹⁸Sesiapa yang percaya kepada-Nya tidak dijatuhi hukuman. Sebaliknya, sesiapa yang tidak percaya sudahpun dijatuhi hukuman, kerana dia tidak percaya dalam nama Putera Allah yang tunggal. ¹⁹Penghakiman berdasarkan hal ini: Cahaya sudah datang ke dunia, tetapi manusia lebih suka akan kegelapan kerana mereka berbuat jahat. ²⁰Orang yang berbuat jahat benci akan cahaya dan tidak mahu mendekatinya kerana takut perbuatan jahatnya terdedah. ²¹Tetapi orang yang berbuat benar merapatinya, supaya jelas bahawa perbuatannya dilakukan melalui Allah.'